

MAHATHIR-PERUSAHAAN

(1)

1982

KUALA LUMPUR, 3 OGOS (BERNAMA)-AUSTRALIA TELAH MENDEMI
SAMBUTAN POSITIF TERHADAP CADANGAN MALAYSIA BAGI MENEMPATKAN
SEMULA PERUSAHAAN TEKNOLOGI RENDAH DAN MENGGUNAKAN TENAGA BURUH
DI MALAYSIA.

PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA BAHAWA
MALAYSIA BERMINAT BAGI PENGELUARAN BAHAGIAN-BAHAGIAN UNTUK TRAKTOR
MINI YANG BOLEH DIPASANG DI AUSTRALIA UNTUK KEGUNAAN AUSTRALIA
SENDIRI, SELAIN DARI DIPASANG DI SINI.

ISU ITU DIBINCANGKAN DALAM RUNDINGAN PUSINGAN KEDUA DENGAN
PERDANA MENTERI AUSTRALIA ENCIK MALCOLM FRASER DI PEJABATNYA
DI SINI PETANG INI.

MENGENAI SERUAN MALAYSIA SUPAYA DIMANSOHKAN PERLINDUNGAN BAGI MEMBOLEHKAN KEMASUKKAN BARANGAN MALAYSIA KE PASARAN AUSTRALIA, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BELIAU TELAH DIBERITAHU OLEH AUSTRALIA BAHAWA IA MEMPUNYAI RANCANGAN UNTUK MENGURANGKAN SEKATAN TARIF.

WALAUPUN ADA SEKATAN TARIF, TAIWAN, KOREA DAN NEGARA-NEGARA LAIN DAPAT MENGEKSPORT KE AUSTRALIA BARANGAN PENGELUARAN MEREKA DENGAN AGAK BANYAK.--LAGI 2100/HM

MAHATHIR-PERUSAHAAN 2 KUALA LUMPUR

JUMLAH EKSPORT BARANGAN SIAP MALAYSIA KE AUSTRALIA BERNILAI HANYA A\$19 JUTA (M\$44 JUTA) BERBANDING DENGAN JUMLAH EKSPORT AUSTRALIA A\$1.4 RIBU JUTA (M\$3.3 RIBU JUTA) KATANYA.

SELEPAS MENUNJUKKAN PERKARA ITU DAN SEBELUM MALAYSIA DAPAT MEMINTA SUPAYA DITURUNKAN TARIF IA PERLU MENGAJAI DIRINYA SENDIRI TERLEBIH DAHULU, KATANYA.

JIKA AUSTRALIA MENURUNKAN TARIF, IA HANYA MEMBERI FAEDAH KEPADA NEGARA-NEGARA LAIN DAN MALAYSIA TIDAK MAHU BERTELEGAN MENGENAI ORANG LAIN.

MENGENAI KRITIKNYA TERHADAP DASAR AUSTRALIA MENGAMBIL HANYA RAKYAT MALAYSIA YANG BERKELAYAKAN UNTUK BERMAUSTATIN DI AUSTRALIA, PERDANA MENTERI BERKATA BAHAWA KENYATAANNYA ADALAH DIARAHKAN KHAS KEPADA RAKYAT MALAYSIA.

BELIAU BAGAIMANAPUN BERKATA ADALAH WAJAR BAGI AUSTRALIA JUGA MENERIMA MEREKA YANG GAGAL DALAM PEPERIKSAAN DI AUSTRALIA YANG ENGGAN PULANG KE MALAYSIA, SELAIN DARIPADA MEREKA-MEREKA YANG BERKELAYAKAN.--LAGI 2130/HM

MAHATHIR-PERUSAHAAN 3 KUALA LUMPUR

MENGENAI PERTAHANAN, PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU TELAH MEMBERITAHU ENCIK FRASER SKUARDEN MIRAGE AUSTRALIA BOLEH TERUS DIKEKALKAN DI BUTTERWORTH SELAGI AUSTRALIA BERPENDAPAT IA PERLU BERBUAT DEMIKIAN.

SEANDAINYA AUSTRALIA MEMUTUSKAN UNTUK MENARIK KELUAR MAKA MALAYSIA AKAN MENGAMBIL ALIH PENGKALAN ITU.

+TEMPOH PENARIKAN TIDAK BEGITU PENTING TETAPI IA MELIBATKAN EKONOMI+, KATANYA.

SEKIRANYA AUSTRALIA BERPENDAPAT BAHAWA MENANGGUNG BEBAN PERBELANJAAN PENEMPATAN MIRAGE DI BUTTERWORTH MENELAN BELANJA YANG TINGGI DAN MAHU MENGANTIKAN YANG LAIN MAKA IA DAPAT DITERIMA OLEH MALAYSIA.

+SEKIRANYA MEREKA BERPENDAPAT MEREKA MAHU UNDIR SEPENUHNYA MAKA IA MENGAPALAH KEPADA KITA+, KATANYA.

MALAM INI, ENCIK FRASER TELAH MENGHADIRI JAMUAN MAKAN YANG DIBERIKAN OLEH PESURUHJAYA TINGGI AUSTRALIA KE SINI.

BELIAU AKAN BERLEPAS KE PEKING ESOK UNTUK LAWATAN DUA HARI KE CHINA.--BERNAMA 2135/HM